

Shafee bangkitkan 'pengalaman terdahulu' sebagai bukti Anwar meliwat
Malaysian Insider
Nov 3, 2014

Menegaskan hujah yang penetrasi memang berlaku dalam kes tuduhan liwat Ketua Umum PKR Datuk Seri Anwar Ibrahim terhadap bekas pembantunya, pihak pendakwa berkata tiada kecederaan atau koyakan pada pengadu ialah kerana pelincir yang digunakan, di samping kemungkinan 'pengalaman terdahulu' sebelumnya.

Ketua pendakwa Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah berhujah menentang pihak pembela yang mengatakan tuduhan liwat itu tidak mungkin berlaku kerana tiadanya koyakan atau kecederaan pada pengadu, Mohd Saiful Bukhari Azlan.

Anwar sedang dalam proses rayuan di Mahkamah Persekutuan bagi membatalkan sabitan liwatnya terhadap Saiful pada 26 Jun 2008.

"Kecederaan tidak wujud kerana penggunaan pelincir, tidak ada paksaan digunakan dan kelewatan berjumpa doktor. Dan saya tambah juga, mungkin kerana terdapat kejadian serupa sebelum ini," kata Shafee memberitahu panel lima hakim di mahkamah hari ini.

Beliau menambah: Kami tidak berminat dengan fakta ini jika benar terdapat kejadian sebelumnya, tapi itu akan menjelaskan banyak perkara yang bersifat fakta dalam kes ini."

Minggu lepas, semasa memulakan hujah pendakwaan, Shafee berkata Anwar dan Saiful mungkin menjalin "hubungan" kerana elaun dan faedah yang diterima Saiful semasa bekerja dengan ketua pembangkang itu.

Shafee berkata, perayu dan pengadu mempunyai pengalaman seksual sebelumnya berdasarkan pertanyaan berbaur seksual yang Anwar tanyakan kepada Saiful.

Ketua panel hakim, Ketua Hakim Negara Tun Arifin Zakaria bertanya kepada Shafee sama ada rujukan kepada pengalaman terdahulu itu mungkin bersifat prejudis, Shafee berkata ia boleh diterima tanpa bersikap prejudis.

Katanya, beliau akan menyerahkan alasan membenarkan bukti dari kejadian terdahulu yang sebelum ini dibuang dari testimoni.

Dia berkata, ayat sindiran Anwar kepada Saiful yang menyebut "hari ini" menunjukkan insiden yang sama berlaku sebelum ini.

"(Saiful juga berkata) yang dia tidak mahu melakukannya hari ini (dan) dia juga tidak mahu melakukannya lagi," kata Shafee.

Ayat-ayat tersebut, katanya, sarat dengan maklumat yang terdapat pengalaman terdahulu.

"Ini frasa yang kamu tak boleh edit. Ia memberi gambaran tentang kejadian sebenar," katanya.

Dia juga menjawab hujah pembelaan mengapa Saiful tidak bertindak semasa kejadian serupa terdahulu.

Katanya, selama hampir empat bulan Saiful "dibuli, didominasi dan diambil kesempatan".

Dalam hujahnya minggu lepas, Shafee berkata Saiful wajar dianggap sebagai "mangsa" gangguan seksual, yang sepertimana mangsa dalam kes lain, tidak akan mengambil tindakan segera terhadap pelaku.

"Saiful sudah terbiasa dengan keadaan begitu," katanya.

Hari ini, Shafee menolak dakwaan pembelaan mengatakan bukti DNA tercemar akibat cara pengendalian yang salah oleh pegawai polis dan ketidakmampuan pakar kimia kerajaan.

Shafee berkata, jika berlaku degradasi, DNA tersebut mungkin tidak boleh dibaca langsung.

"Ini saya ingin tekankan. Jika ada degradasi, ia tidak boleh dibaca. Identiti DNA tidak boleh ditukar akibat degradasi - ia sama ada boleh baca atau tidak.

"Sebab itu (DNA milik mangsa) MH17 masih boleh dibaca... terdapat bahagian (yang boleh dibaca). Ia masih elok, degradasi yang tidak mencapai tahap itu," katanya.

Shafee berkata, perkataan "pristine" (suci bersih) yang digunakan bagi menggambarkan keadaan sampel yang diambil tidak pernah disebut pakar kimia kerajaan, tetapi diperkenalkan pakar pihak pembela.

"Untuk mengatakan DNA tersebut berada pada tahap 'pristine', itu salah petik

(misquote)," katanya di mahkamah.

Shafee kemudian beralih kepada saksi pembelaan, bekas doktor Pusrawi, Dr Mohd Osman Abdul Hamid, yang merupakan saksi pertama memeriksa Saiful selepas dikatakan diliwat.

Menyifatkan beliau seorang "saksi yang disangsi dengan cerita yang luar biasa", Shafee berkata laporan bertulis Dr Osman selepas memeriksa Saiful mengandungi satu bahagian tentang objek plastik yang dimasukkan ke dalam dubur pengadu.

Saiful pada mulanya memberitahu Dr Osman satu objek plastik dimasukkan ke dalam duburnya.

Bahagian ini ditulis dalam keadaan yang "susah difahami", kata Shafee dalam usaha menunjukkan keterangan Dr Osman dipalsukan.

"Dia (Dr Osman) sendiri mengaku menulis (bahagian tersebut) kemudian. Tidak ditanya kalau ia (dilakukan) pihak ketiga atau dia melakukannya sendiri. Tidak ditanya sifat plastik yang dimasukkan itu," kata Shafee.

Shafee berhujah yang Dr Osman mungkin dipujuk memasukkan maklumat berkenaan objek plastik itu dalam laporannya.

"Saksi ini perlu dicabar. Dia menambah (dalam laporannya) objek plastik dimasukkan beberapa hari kemudian bagi menguntungkan individu tertentu," katanya.

Pihak pembela meminta pihak pendakwa memanggil Dr Osman sebagai saksi, tetapi Shafee berkata timbalan pendakwa raya akan "hilang kerjanya" sekiranya beliau berbuat demikian kerana doktor itu berbohong.

Ketua Hakim Arifin bertanya adakah Dr Osman dicabar, dan Shafee menjawab tidak, kerana testimoni doktor itu sudah pun ditolak semasa pemeriksaan balas.

Pasukan pembelaan Anwar dianggotai 14 peguam diketuai bekas hakim Mahkamah Persekutuan Datuk Seri Gopal Sri Ram.

Perbicaraan bermula Selasa lepas dan pada asalnya dijadualkan berlangsung dua hari tetapi mahkamah memutuskan memanjangkannya sehingga esok.

Pihak pembela mengambil masa 3 hari minggu lepas berhujah mengenai sampel DNA yang digunakan semasa perbicaraan terdahulu, yang didakwa

tercemar kerana kesilapan dalam mengendalikannya dan ketidakcekapan forensik.

Peguambela juga mencabar kredibiliti Saiful sebagai saksi, membangkitkan percanggahan yang wujud antara kenyataannya dan bukti lain, serta cuba menghapuskan kaitan antara profil DNA yang dijumpai pada barangan dikatakan digunakan Anwar semasa di dalam lokap polis dan sampel diambil dari rektum Saiful.

Anwar dibebaskan Mahkamah Tinggi pada Januari 2012 selepas satu perbicaraan panjang berdasarkan keterangan yang bukti DNA itu tidak boleh dipercayai.

Pihak pembelaan sedang berusaha mengembalikan keterangan ini.

Pembebasan Anwar dibatalkan Mahkamah Rayuan pada Mac tahun ini yang menjatuhkan hukuman 5 tahun penjara terhadapnya, tetapi pelaksanaannya diberi penangguhan sehingga rayuannya didengar di Mahkamah Persekutuan.

Ketua pembangkang itu dituduh meliwat Saiful, di sebuah apartmen di Damansara pada 26 Jun, 2008.

Kes liwat ini merupakan kali kedua dihadapi Anwar. Pertama pada 1998, apabila beliau masih memegang jawatan timbalan perdana menteri dan menteri kewangan. Ketika itu beliau dituduh meliwat bekas pemandunya Azizan Abu Bakar, namun dibebaskan Mahkamah Persekutuan pada 2004.

Kali ini, karier politik Anwar mungkin berakhir jika mahkamah tertinggi mengekalkan keputusan Mahkamah Rayuan dan membenarkan permintaan pendakwa bagi hukuman yang lebih berat yang boleh mencapai sehingga 20 tahun penjara mengikut undang-undang. – 3 November, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider
Source

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/shafee-beritahu-mahkamah-penetrasi-memang-berlaku>

